

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (REKABENTUK SUSUNATUR), 1999

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN, TAFSIRAN DAN PENGENAAN

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa, gelaran panjang dan pengenaan.
2. Tafsiran.
3. Makna "dieksploitasi secara komersial".
4. Makna "hak eksklusif".
5. Makna "membuat" berkenaan dengan rekabentuk susunatur yang layak.
6. Makna "original".
7. Lesen tuanpunya hak rekabentuk susunatur.
8. Rekabentuk susunatur yang layak termasuk sebahagian besar rekabentuk.
9. Sebutan kepada pembuat-pembuat bersama.
10. Pengenaan kepada rekabentuk susunatur yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa.

BAHAGIAN II

PEMUNYAAN DAN JENIS HAK REKABENTUK SUSUNATUR

11. Pemunyaan hak rekabentuk susunatur.
12. Jenis hak rekabentuk susunatur.
13. Pelanggaran hak rekabentuk susunatur.

BAHAGIAN III

KEKECUALIAN

14. Pengeksplotasian komersial ikhlas.
15. Menyalin untuk kegunaan persendirian.
16. Menyalin bagi maksud-maksud penyelidikan atau pengajaran.
17. Penilaian atau analisis.
18. Pengeksplotasian secara komersial rekabentuk susunatur yang layak yang dahulunya dieksploitasi di bawah lesen.
19. Penggunaan oleh Kerajaan untuk keselamatan, pertahanan, dll.
20. Jenis dan bidang hak di bawah bab 19.
21. Kewajipan untuk memberitahu tuannya.
22. Tuannya hak rekabentuk susunatur berhak mendapat ganjaran.

BAHAGIAN IV

REMEDI KERANA PELANGGARAN

23. Tindakan bagi ganti rugi, keterangan, penyerahan, dll.
24. Injunksi.
25. Pengenaan bab-bab 26 hingga 32 kepada pemegang lesen eksklusif.
26. Hak pemegang lesen eksklusif.
27. Perjalanan hak bersama.
28. Pembelaan dalam prosiding oleh pemegang lesen eksklusif.
29. Taksiran ganti rugi jika lesen eksklusif diberikan.
30. Pembahagian keuntungan di antara tuannya dan pemegang lesen eksklusif.
31. Pengehadan ke atas pelepasan jika prosiding berasingan berhubung dengan pelanggaran yang sama.

32. Tanggungan kos.
33. Anggapan.
34. Bukti fakta-fakta tertentu.

BAHAGIAN V

RAMPAIAN

35. Negara-negara kelayakan.
36. Pemunyaan prospektif hak rekabentuk susunatur.
37. Penyerahan hak dan lesen hak rekabentuk susunatur.
38. Prosiding undang-undang yang tidak berasas.
39. Aturan-aturan.
40. Perintah yang mengikat Kerajaan.

Bil. S 16

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (REKABENTUK SUSUNATUR), 1999

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraihan (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN, TAFSIRAN DAN PENGENAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa, gelaran panjang dan pengenaan.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Rekabentuk Susunatur), 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada hari yang ditetapkan bagi permulaan kuatkuasa Perintah Darurat (Hakcipta), 1999.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan syarat bagi perlindungan rekabentuk susunatur litar bersepadu".

(3) Perintah ini dikenakan kepada perkara-perkara yang dilakukan —

(a) di dalam atau di atas pesisir laut (iaitu kawasan yang diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 30 haribulan Jun, 1954 dengan Perisytiharan Pesisir Laut 1954) di atas suatu struktur atau kapal yang ada di sana bagi maksud yang ada kaitan langsung dengan penerokaan dasar laut dan tanah bawahnya atau pengeksploitasian sumber alamnya;

Penggal 145.

(b) di atas sesebuah kapal Brunei, sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2 dari Akta Perkapalan Pedagang; atau

(c) di atas sesebuah pesawat terbang atau hoverkraf yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam,

sebagaimana ia dikenakan kepada perkara-perkara yang dilakukan di Negara Brunei Darussalam.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"dieksploitasi secara komersial" hendaklah ditafsirkan menurut bab 3;

"mahkamah" bermakna Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Perantaraan;

"rekabentuk susunatur yang layak" bermakna suatu rekabentuk susunatur original —

(a) yang pembuatnya atau, berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang dibuat bersama, mana-mana satu atau lebih daripada pembuat-pembuatnya, pada masa rekabentuk susunatur itu dibuat, adalah orang yang layak; atau

(b) yang mula dieksploitasi secara komersial di Negara Brunei Darussalam atau di sesebuah negara kelayakan;

"orang yang layak" bermakna —

(a) seseorang rakyat, atau seseorang individu yang biasanya bermastautin di, Negara Brunei Darussalam;

(b) suatu pertubuhan yang diperbadankan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam;

(c) seseorang rakyat, atau seseorang individu yang biasanya bermastautin di, sesebuah negara kelayakan;

(d) suatu pertubuhan yang diperbadankan di bawah undang-undang negara kelayakan,

dan termasuk Kerajaan dan kerajaan sesebuah negara kelayakan;

"lesen eksklusif" bermakna suatu lesen secara bertulis, yang ditandatangani oleh atau bagi pihak tuannya atau bakal tuannya hak rekabentuk susunatur, yang memberi kuasa kepada pemegang lesen terkecuali semua orang lain, termasuk orang yang memberi lesen itu, untuk menjalankan dengan cara yang dibenarkan oleh lesen itu, sebarang hak yang, di bawah Perintah ini, boleh sebaliknya dijalankan oleh tuannya tersebut;

"hak eksklusif" hendaklah ditafsirkan menurut bab 4;

"hak masa depan" bermakna hak rekabentuk susunatur yang akan atau mungkin mula wujud berkaitan dengan suatu rekabentuk susunatur masa depan atau mengenai berlakunya sesuatu kejadian masa depan;

"litar bersepadu" bermakna suatu litar, dalam bentuknya yang akhir atau pertengahan, di mana elemen-elemen, sekurang-kurangnya satu darinya adalah elemen yang aktif, dan beberapa atau semua sambungan dibentuk secara bersepadu di dalam atau di atas kepingan bahan dan yang dimaksudkan untuk melaksanakan fungsi elektronik;

"rekabentuk susunatur" bermakna disposisi tiga dimensi, tidak kira bagaimana jua pun dinyatakan, elemen-elemen, sekurang-kurangnya satu darinya adalah elemen yang aktif, dan beberapa atau semua sambungan, suatu litar bersepadu; dan termasuk disposisi tiga dimensi yang disediakan bagi suatu litar bersepadu yang dimaksudkan untuk perkilangan;

"hak rekabentuk susunatur" bermakna hak eksklusif yang dinyatakan dalam bab 12 berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak;

"membuat", berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak, hendaklah ditafsirkan menurut bab 5;

"bentuk bahan", berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur, termasuk sebarang bentuk penyimpanan atau pernyataan, sama ada nampak atau tidak, yang darinya rekabentuk susunatur itu, atau sebahagian besarnya, dapat dihasilkan semula;

"original", berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur, hendaklah ditafsirkan menurut bab 6;

"pihak yang satu lagi", dalam bab-bab 29, 31 dan 32, mempunyai makna yang dinyatakan dalam cerai (2) bab 29;

"bakal tuannya" bermakna —

(a) berkenaan dengan hak rekabentuk susunatur masa depan yang bukan menjadi perkara jenis perjanjian yang disebut dalam cerai (1) bab 36; orang yang akan menjadi tuannya hak itu apabila ia mula wujud; atau

(b) berkenaan dengan hak rekabentuk susunatur masa depan yang menjadi perkara perjanjian tersebut, orang yang ke atasnya hak itu terletak di bawah cerai tersebut apabila ia mula wujud;

"tempoh perlindungan", berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak, bermakna tempoh yang bermula pada hari ia dibuat dan berakhir —

(a) jika ia mula dieksploitasi secara komersial dalam masa lima tahun selepas tahun ia dibuat, pada penghujung tahun ke sepuluh selepas tahun ia mula dieksploitasi secara komersial;

(b) dalam sebarang hal lain, pada penghujung tempoh lima belas tahun selepas tahun ia dibuat;

"negara kelayakan" bermakna sesebuah negara atau wilayah yang ditetapkan di bawah bab 35 sebagai negara kelayakan.

3. Bagi maksud Perintah ini —

(a) suatu rekabentuk susunatur adalah dieksploitasi secara komersial jika rekabentuk susunatur itu, salinan rekabentuk susunatur itu, atau suatu litar bersepadu yang dibuat menurut rekabentuk susunatur itu, sama ada atau tidak litar bersepadu itu dimasukkan dalam benda lain, adalah dengan cara perdagangan —

- (i) . dijual atau disewakan ataupun sebaliknya diagihkan;
- (ii) ditawarkan atau didedahkan untuk jualan atau sewa atau pengagihan lain; atau
- (iii) diimport bagi maksud jualan atau sewa atau pengagihan lain;

(b) salinan suatu rekabentuk susunatur atau suatu litar bersepadu yang dibuat menurut suatu rekabentuk susunatur adalah dieksploitasi secara komersial jika ia, dengan cara perdagangan —

- (i) dijual atau disewakan ataupun sebaliknya diagihkan;
- (ii) ditawarkan atau didedahkan untuk jualan atau sewa atau pengagihan lain; atau
- (iii) diimport bagi maksud jualan atau sewa atau pengagihan lain.

4. Bagi maksud Perintah ini, hak eksklusif untuk melakukan sesuatu perbuatan berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak, atau suatu litar bersepadu yang dibuat menurut suatu rekabentuk susunatur yang layak, termasuk hak eksklusif untuk membenarkan seseorang untuk melakukan perbuatan tersebut berkenaan dengan rekabentuk susunatur atau litar bersepadu itu.

Makna
"dieksploitasi
secara
komersial".

Makna "hak
eksklusif".

Makna "membuat" berkenaan dengan rekabentuk susunatur yang layak.

5. (1) Bagi maksud Perintah ini tetapi tanpa mengehendkan makna biasa perkataan "membuat" berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak, seseorang yang menggunakan komputer untuk membuat suatu rekabentuk susunatur yang layak adalah dianggap telah membuat rekabentuk itu.

(2) Suatu rekabentuk susunatur hendaklah dianggap belum dibuat sehingga ia telah direkodkan dalam bentuk berdokumen atau dimasukkan ke dalam litar bersepadu, mengikut mana yang lebih awal.

Makna "original".

6. Bagi maksud Perintah ini tetapi tanpa mengehendkan makna biasa perkataan "original" berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur, suatu rekabentuk susunatur adalah tidak original jika —

(a) pembuatannya tidak melibatkan usaha intelektual pembuat;

(b) adalah menjadi perkara biasa di antara pembuat-pembuat rekabentuk susunatur dan pengilang-pengilang litar bersepadu pada masa ia dibuat; atau

(c) dalam hal gabungan elemen dan sambungan yang menjadi perkara biasa di antara pembuat-pembuat rekabentuk susunatur dan pengilang-pengilang litar bersepadu, gabungan itu pada keseluruhannya tidak melibatkan usaha intelektual pembuat.

Lesen tuannya hak rekabentuk susunatur.

7. Bagi maksud Perintah ini, sesuatu perbuatan adalah dilakukan dengan lesen tuannya hak rekabentuk susunatur jika perbuatan yang dilakukan itu dibenarkan oleh suatu lesen yang mengikat tuannya.

Rekabentuk susunatur yang layak termasuk sebahagian besar rekabentuk.

8. Dalam Perintah ini —

(a) sebutan kepada sesuatu perbuatan yang dilakukan (selain dari membuat) berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak termasuk sebutan kepada perbuatan yang dilakukan itu berkenaan dengan sebahagian besar rekabentuk tersebut;

(b) sebutan kepada salinan suatu rekabentuk susunatur yang layak termasuk sebutan kepada salinan sebahagian besar rekabentuk itu;

(c) sebutan kepada suatu litar bersepadu yang dibuat menurut suatu rekabentuk susunatur yang layak termasuk

sebutan kepada suatu litar bersepadu yang dibuat menurut sebahagian besar rekabentuk itu.

9. Melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, sebutan dalam Perintah ini kepada pembuat suatu rekabentuk susunatur yang layak adalah, berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak yang dibuat bersama, sebutan kepada semua pembuat rekabentuk itu.

Sebutan kepada pembuat-pembuat bersama.

10. Perintah ini dikenakan berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur sama ada dibuat sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini, tetapi suatu tindakan tidak boleh dibuat di bawah Bahagian IV berkaitan dengan sebarang perbuatan yang dilakukan sebelum permulaan kuatkuasa tersebut berkenaan dengan rekabentuk susunatur itu, salinan rekabentuk susunatur itu, atau suatu litar bersepadu yang dibuat menurut rekabentuk susunatur itu.

Pengenaan kepada rekabentuk susunatur yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa.

BAHAGIAN II

PEMUNYAAN DAN JENIS HAK REKABENTUK SUSUNATUR

11. (1) Tertakluk kepada bab ini, orang yang membuat suatu rekabentuk susunatur yang layak adalah tuannya pertama hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur yang layak itu.

Pemunyaan hak rekabentuk susunatur.

(2) Jika suatu rekabentuk susunatur dibuat oleh seseorang semasa dia bekerja atau dalam perantisan, majikannya adalah tuannya pertama hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur yang layak itu, tertakluk kepada sebarang perjanjian yang berlawanan.

(3) Jika seseorang mentauliahkan pembuatan suatu rekabentuk susunatur untuk balasan berharga, dan rekabentuk susunatur itu dibuat bagi menjalankan pentauliahannya itu, orang yang mentauliahkan kerja itu adalah tuannya pertama hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur yang layak itu, tertakluk kepada sebarang perjanjian yang berlawanan.

(4) Perintah ini melindungi semua rekabentuk susunatur yang dibuat secara bebas dalam tempoh perlindungan, walaupun ia serupa dan tanpa mempedulikan bila ia dibuat.

(5) Jika suatu rekabentuk susunatur yang layak dipunyai oleh lebih daripada seorang, sebutan dalam Perintah ini kepada tuannya adalah sebutan kepada semua tuannya dan sebutan dalam Perintah ini kepada tuannya yang layak adalah sebutan kepada semua tuannya yang layak, supaya terutama sekali

sebarang kehendak mengenai persetujuan tuannya yang layak menghendaki persetujuan semua tuannya yang layak.

Jenis hak rekabentuk susunatur.

12. Tuannya hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak mempunyai, dalam tempoh perlindungan rekabentuk susunatur itu, hak eksklusif yang berikut —

(a) hak untuk menyalin, dan membenarkan penyalinan, rekabentuk susunatur itu dalam bentuk bahan;

(b) hak untuk membuat suatu litar bersepadu menurut rekabentuk susunatur itu atau salinan rekabentuk susunatur itu;

(c) hak untuk mengeksploitasi secara komersial, dan membenarkan pengeksploitanian secara komersial, rekabentuk susunatur itu di Negara Brunei Darussalam.

Pelanggaran hak rekabentuk susunatur.

13. Hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak adalah dilanggar oleh mana-mana orang yang, dalam tempoh perlindungan, tanpa lesen tuannya hak rekabentuk susunatur itu melakukan, atau membenarkan orang lain untuk melakukan, apa-apa jua yang di bawah bab 12 adalah hak eksklusif tuannya hak rekabentuk susunatur itu.

BAHAGIAN III

KEKECUALIAN

Pengeksploitanian komersial ikhlas.

14. (1) Hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak tidak dilanggar oleh seseorang yang mengeksploitasi secara komersial, atau membenarkan pengeksploitanian komersial, suatu litar bersepadu tanpa kebenaran di Negara Brunei Darussalam, iaitu litar bersepadu yang dibuat menurut rekabentuk susunatur itu jika, pada masa bila dia memperolehi litar bersepadu itu, dia tidak mengetahui dan tidak mungkin dengan munasabah dijangka telah mengetahui, bahawa litar bersepadu itu adalah tanpa kebenaran.

(2) Jika seseorang yang disebut dalam cerai (1) —

(a) ada dalam milikannya atau telah membuat kontrak untuk membeli suatu litar bersepadu yang tanpa kebenaran; dan

(b) menyedari atau mungkin dengan munasabah dijangka telah menyedari bahawa litar bersepadu itu adalah tanpa kebenaran,

ceraian (1) terus dikenakan kepada sebarang pengeksploitasian komersial yang kemudiannya litar bersepadu itu hanya jika dia membayar kepada tuannya atau pemegang lesen eksklusif hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur itu suatu ganjaran sebagaimana yang mungkin dipersetujui atau ditentukan dengan suatu kaedah yang dipersetujui di antaranya dan tuannya atau pemegang lesen eksklusif atau, sekiranya tiada mencapai persetujuan, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh mahkamah atas permohonan salah seorang daripada mereka.

(3) Dalam bab ini, "tanpa kebenaran", berkenaan dengan suatu litar bersepadu yang dibuat menurut suatu rekabentuk susunatur yang layak, bermakna dibuat tanpa lesen tuannya hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur itu.

15. (1) Hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak tidak dilanggar dengan membuat —

Menyalin untuk kegunaan persendirian.

(a) salinan rekabentuk susunatur itu; atau

(b) suatu litar bersepadu menurut rekabentuk susunatur itu atau salinannya,

semata-mata untuk kegunaan persendirian orang yang membuat salinan atau litar bersepadu itu.

(2) Bagi maksud ceraian (1), salinan suatu rekabentuk susunatur yang layak, atau suatu litar bersepadu yang dibuat menurut suatu rekabentuk susunatur yang layak atau salinan rekabentuk susunatur tersebut, tidak dianggap telah dibuat untuk kegunaan persendirian seseorang jika salinan atau litar bersepadu itu dieksploitasi secara komersial atau diagihkan.

16. Hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak tidak dilanggar dengan membuat —

Menyalin bagi maksud-maksud penyelidikan atau pengajaran.

(a) salinan rekabentuk susunatur itu; atau

(b) suatu litar bersepadu menurut rekabentuk susunatur itu atau salinannya,

semata-mata bagi maksud-maksud penyelidikan atau pengajaran.

17. (1) Hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak tidak dilanggar dengan —

Penilaian atau analisis.

(a) membuat salinan atau salinan-salinan rekabentuk susunatur itu bagi maksud menilai atau menganalisis rekabentuk susunatur itu;

(b) membuat suatu rekabentuk susunatur original berdasarkan kepada sesuatu penilaian atau analisis yang dijalankan dengan menggunakan salinan atau salinan-salinan yang disebut dalam perenggan (a);

(c) membuat suatu litar bersepadu menurut suatu rekabentuk susunatur original yang disebut dalam perenggan (b); atau

(d) menyalin atau mengeksploitasi secara komersial di Negara Brunei Darussalam suatu rekabentuk susunatur original yang disebut dalam perenggan (b).

(2) Hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak tidak dilanggar dengan —

(a) membuat suatu litar bersepadu menurut rekabentuk susunatur itu, atau salinan rekabentuk susunatur itu, bagi maksud menilai atau menganalisis rekabentuk susunatur itu;

(b) membuat suatu rekabentuk susunatur original berdasarkan kepada sesuatu penilaian atau analisis yang dijalankan dengan menggunakan suatu litar bersepadu yang disebut dalam perenggan (a);

(c) membuat suatu litar bersepadu menurut suatu rekabentuk susunatur original yang disebut dalam perenggan (b); atau

(d) menyalin atau mengeksploitasi secara komersial di Negara Brunei Darussalam suatu rekabentuk susunatur original yang disebut dalam perenggan (b).

Pengeksploitasi-
sian secara
komersial
rekabentuk
susunatur
yang layak
yang
dahulunya
dieksploitasi
di bawah
lesen.

18. (1) Jika —

(a) suatu rekabentuk susunatur yang layak dieksploitasi secara komersial, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain oleh, atau dengan lesen, tuannya hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur itu; dan

(b) seseorang memperoleh salinan rekabentuk susunatur itu, atau suatu litar bersepadu yang dibuat menurut rekabentuk susunatur itu, hasil dari pengeksploitasi komersial itu,

ia bukan pelanggaran hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur itu jika dia mengeksploitasi secara komersial salinan atau litar bersepadu itu di Negara Brunei Darussalam.

(2) Dengan tidak menghiraukan bab-bab 26 dan 27, dan ceraiian (2) bab 31, dari Perintah Darurat (Hakcipta), 1999 setakat mana ia dikenakan kepada artikel yang diimport, jika pengeksplotasian komersial suatu litar bersepadu mengandungi salinan atau penyesuaian suatu karya (iaitu litar bersepadu yang dibuat menurut suatu rekabentuk susunatur yang layak) adalah bukan, di bawah bab ini, pelanggaran hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur itu, pengeksplotasian komersial itu adalah bukan pelanggaran hakcipta ke atas karya itu melainkan jika pembuatan salinan atau penyesuaian itu adalah pelanggaran hakcipta itu.

(3) Ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam ceraiian (2) yang ditakrifkan dalam Perintah Darurat (Hakcipta), 1999 mempunyai makna yang sama sebagaimana yang dipunyainya dalam Perintah itu.

19. (1) Sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh atau bagi pihak Kerajaan, berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak adalah bukan pelanggaran hak ke atas rekabentuk susunatur itu jika pada pendapat Kerajaan perlu atau mustahak perbuatan itu dilakukan —

Penggunaan
oleh Kerajaan
untuk
keselamatan,
pertahanan,
dll.

(a) untuk mengelakkan kemudaratan terhadap keselamatan atau pertahanan Negara Brunei Darussalam atau bagi pelaksanaan yang cekap sebarang peperangan di mana Negara Brunei Darussalam mungkin terlibat;

(b) untuk membantu pada menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan langkah-langkah dalam tempoh darurat negara atau hal keadaan lain yang amat mendesak; atau

(c) bagi maksud-maksud bukan komersial awam,

dan sebelum melakukan perbuatan itu, Kerajaan, setelah mengambil segala langkah yang munasabah untuk berbuat demikian, telah tidak dapat memperolehi lesen tuannya hak rekabentuk susunatur, atas syarat-syarat yang munasabah, untuk melakukan perbuatan itu.

(2) Seseorang boleh dibenarkan untuk bertindak bagi pihak Kerajaan di bawah ceraiian (1) sebelum atau selepas perbuatan yang berkaitan dengannya dia dibenarkan bertindak telah dilakukan.

(3) Dalam bab ini, "tempoh darurat negara" bermakna sebarang tempoh yang bermula dari suatu tarikh sebagaimana yang mungkin diisytiharkan oleh Peguam Negara dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* sebagai bermulanya, dan berakhir pada suatu tarikh sebagaimana yang mungkin diisytiharkan demikian sebagai tamatnya, suatu tempoh darurat negara bagi maksud bab ini.

Jenis dan bidang hak di bawah bab 19.

20. (1) Hak untuk menggunakan suatu rekabentuk susunatur yang layak di bawah bab 19 —

(a) adalah bukan eksklusif dan juga tidak boleh diserahkan hak;

(b) adalah terhad kepada maksud-maksud yang dinyatakan dalam bab itu;

(c) adalah tertakluk kepada syarat-syarat sebarang kebenaran di bawah bab itu;

(d) tidak membenarkan penjualan rekabentuk susunatur kepada orang ramai; dan

(e) adalah terhad kepada penggunaan rekabentuk susunatur itu kebanyakannya di Negara Brunei Darussalam.

(2) Sesuatu perbuatan yang dilakukan di bawah bab 19 berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak tidaklah boleh diambil kira dalam menghitung tempoh perlindungan rekabentuk susunatur itu.

(3) Jika suatu lesen eksklusif berkuatkuasa berkenaan dengan sebarang hak rekabentuk susunatur, bab-bab 19, 21 dan 22 hendaklah berkuatkuasa seolah-olah sebutan kepada tuanpunya hak rekabentuk susunatur adalah sebutan kepada pemegang lesen eksklusif.

Kewajipan untuk memberitahu tuanpunya.

21. (1) Jika sesuatu perbuatan telah dilakukan di bawah bab 19 berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak, Kerajaan hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, memberitahu tuanpunya hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur itu bahawa perbuatan itu telah dilakukan dan memberikannya maklumat mengenainya sebagaimana yang mungkin dikehendakinya.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam ceraihan (1) menghendaki Kerajaan untuk memberitahu atau mendedahkan maklumat kepada tuanpunya jika dengan berbuat demikian akan, atau mungkin dengan

munasabah dijangka, memudaratkan keselamatan atau pertahanan Negara Brunei Darussalam.

22. Jika sesuatu perbuatan telah dilakukan di bawah bab 19 berkenaan dengan suatu rekabentuk susunatur yang layak, Kerajaan hendaklah membayar kepada tuanpunya hak rekabentuk susunatur suatu ganjaran sebagaimana yang mungkin dipersetujui atau ditentukan dengan suatu kaedah yang dipersetujui di antara Kerajaan dan tuanpunya atau, sekiranya tiada mencapai persetujuan, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh mahkamah atas permohonan salah seorang daripada mereka.

Tuanpunya hak rekabentuk susunatur berhak mendapat ganjaran.

BAHAGIAN IV

REMEDY KERANA PELANGGARAN

23. (1) Sesebuah mahkamah boleh, atas permohonan tuanpunya hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak, jika mahkamah itu berpuas hati bahawa hak itu telah dilanggar, membuat suatu perintah —

Tindakan bagi ganti rugi, keterangan, penyerahan, dll.

(a) bagi pembayaran ganti rugi terhadap orang yang melanggar hak itu;

(b) menghendaki supaya suatu keterangan keuntungan diambil di antara tuanpunya hak dan orang yang melanggar hak itu;

(c) bagi penyerahan sebarang artikel yang telah atau kebanyakannya akan digunakan untuk membuat suatu litar bersepadu di mana suatu rekabentuk susunatur yang layak dimasukkan; dan

(d) supaya sebarang artikel yang diserahkan di bawah perenggan (c) dirampas menjadi hak tuanpunya yang layak, dimusnahkan atau dilupuskan sebagaimana yang mungkin diarahkannya.

(2) Hak seseorang tuanpunya ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak tidak dilanggar oleh seseorang yang mengeksploitasi secara komersial, atau membenarkan pengeksploitan komersial —

(a) salinan rekabentuk susunatur yang layak itu;

(b) suatu litar bersepadu tanpa kebenaran, iaitu litar bersepadu di mana rekabentuk susunatur yang layak itu dimasukkan; atau

(c) suatu artikel yang mengandungi litar bersepadu tersebut,

jika, pada masa bila dia memperoleh salinan, litar bersepadu atau artikel itu, dia tidak mengetahui dan tidak mungkin dengan munasabah dijangka telah mengetahui bahawa salinan atau litar bersepadu itu adalah tanpa kebenaran atau bahawa artikel itu mengandungi suatu litar bersepadu tanpa kebenaran.

(3) Mahkamah boleh, dalam prosiding di bawah cerai (1), dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan termasuk —

(a) pelanggaran itu nyata betul; dan

(b) sebarang faedah yang terakru kepada defendan kerana pelanggaran itu,

mengaward ganti rugi atau ganti rugi tambahan sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi keadilan kes itu.

Injunksi.

24. Sesebuah mahkamah boleh, atas permohonan tuannya hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak, memberi suatu injunksi yang menghalang seseorang dari melibatkan diri dalam tingkahlaku yang menjadi, atau akan menjadi, pelanggaran hak itu.

Pengenaan bab-bab 26 hingga 32 kepada pemegang lesen eksklusif.

25. Bab-bab 26 hingga 32 dikenakan kepada pemegang lesen eksklusif hak rekabentuk susunatur di bawah suatu lesen yang berkuatkuasa pada masa berlakunya tingkahlaku yang menjadi pelanggaran hak itu.

Hak pemegang lesen eksklusif.

26. (1) Tertakluk kepada cerai (2), seseorang pemegang lesen eksklusif mempunyai hak dan remedi yang sama sebagaimana yang dipunyai oleh tuannya hak rekabentuk susunatur di bawah bab-bab 23 dan 24 seolah-olah pemegang lesen itu adalah tuannya.

(2) Hak dan remedi pemegang lesen eksklusif adalah dipegang bersama dengan tuannya tetapi tidak boleh dijalankan terhadapnya.

Perjalanan hak bersama.

27. (1) Jika —

(a) prosiding dibawa oleh tuannya hak rekabentuk susunatur atau pemegang lesen eksklusif di bawah bab-bab 23 atau 24; dan

(b) prosiding itu berkenaan dengan, sama ada seluruhnya atau sebahagiannya, pelanggaran yang berkaitan dengannya mereka mempunyai hak tindakan bersama,

tuanpunya atau pemegang lesen eksklusif tersebut tidak boleh, tanpa kebenaran mahkamah, meneruskan tindakan itu melainkan jika salah seorang daripada mereka sama ada telah disatukan sebagai plaintiff atau dimasukkan sebagai defendan.

(2) Tuanpunya hak rekabentuk susunatur atau pemegang lesen eksklusif yang dimasukkan sebagai defendan tidaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kos dalam tindakan itu melainkan jika dia telah mengambil bahagian dalam prosiding tersebut.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (1) dikenakan kepada permohonan bagi injunksi sementara oleh tuanpunya hak rekabentuk susunatur atau pemegang lesen eksklusif.

28. Dalam prosiding di bawah bab-bab 23 atau 24 oleh pemegang lesen eksklusif, suatu pembelaan di bawah Perintah ini yang sepatutnya boleh digunakan oleh defendan jika prosiding itu telah dibawa oleh tuanpunya hak rekabentuk susunatur adalah boleh digunakan oleh defendan terhadap pemegang lesen eksklusif tersebut.

Pembelaan dalam prosiding oleh pemegang lesen eksklusif.

29. (1) Jika, dalam prosiding yang dikenakan bab 27, kedua-dua tuanpunya hak rekabentuk susunatur dan pemegang lesen eksklusif adalah bukan plaintif, mahkamah, dalam menaksir ganti rugi berkaitan dengan pelanggaran, hendaklah —

Taksiran ganti rugi jika lesen eksklusif diberikan.

(a) jika plaintif adalah pemegang lesen eksklusif, mengambil kira sebarang royalti dan liabiliti lain yang serupa yang kepadanya lesen itu tertakluk; dan

(b) sama ada plaintif adalah tuanpunya hak rekabentuk susunatur atau pemegang lesen eksklusif, mengambil kira sebarang remedi wang yang telah pun diaward kepada pihak yang satu lagi di bawah bab 23 berkaitan dengan pelanggaran itu atau sebarang hak tindakan yang boleh dijalankan oleh pihak yang satu lagi di bawah bab itu berkaitan dengan pelanggaran tersebut.

(2) Dalam bab ini dan dalam bab-bab 31 dan 32, ungkapan "pihak yang satu lagi", berkenaan dengan tuanpunya hak rekabentuk susunatur, bermakna pemegang lesen eksklusif dan, berkenaan dengan pemegang lesen eksklusif, bermakna tuanpunya hak rekabentuk susunatur.

Pembahagian
keuntungan
di antara
tuanpunya dan
pemegang
lesen
eksklusif.

30. Jika —

(a) prosiding di bawah bab 23 berkenaan dengan, seluruhnya atau sebahagiannya, suatu pelanggaran yang berkaitan dengannya tuanpunya hak rekabentuk susunatur dan pemegang lesen eksklusif mempunyai hak tindakan bersama di bawah bab itu, sama ada mereka adalah kedua belah pihak atau tidak; dan

(b) suatu keterangan keuntungan telah diarahkan untuk diambil berkaitan dengan pelanggaran itu,

mahkamah hendaklah, tertakluk kepada sebarang perjanjian yang mahkamah menyedarinya yang dengan perjanjian itu penggunaan keuntungan itu ditentukan di antara tuanpunya hak rekabentuk susunatur dan pemegang lesen eksklusif, membahagikan keuntungan itu di antara mereka mengikut cara sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi keadilan kes itu dan hendaklah memberi arahan sebagaimana yang dianggapnya bersesuaian bagi melaksanakan pembahagian itu.

Pengehadan ke
atas pelepasan
jika prosiding
berasingan
berhubung
dengan
pelanggaran
yang sama.

31. Dalam prosiding di bawah bab 23 yang dibawa oleh tuanpunya hak rekabentuk susunatur atau oleh pemegang lesen eksklusif —

(a) suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran ganti rugi berkaitan dengan pelanggaran hak itu tidaklah boleh diberikan atau dibuat jika suatu penghakiman atau perintah muktamad telah diberikan atau dibuat memihak kepada pihak yang satu lagi yang mengarahkan suatu keterangan keuntungan di bawah bab itu berkaitan dengan pelanggaran yang sama ; dan

(b) suatu penghakiman atau perintah bagi keterangan keuntungan berkaitan dengan pelanggaran hak itu tidaklah boleh diberikan atau dibuat jika suatu penghakiman atau perintah muktamad telah diberikan atau dibuat memihak kepada pihak yang satu lagi yang mengaward ganti rugi atau mengarahkan suatu keterangan keuntungan di bawah bab itu berkaitan dengan pelanggaran yang sama.

Tanggung
kos.

32. Jika, dalam prosiding yang dikenakan bab 27, sama ada dibawa oleh tuanpunya hak rekabentuk susunatur ke atas rekabentuk susunatur yang layak atau oleh pemegang lesen eksklusif, pihak yang satu lagi tidak disatukan sebagai plaintif, sama ada pada permulaan prosiding itu atau kemudiannya, tetapi dimasukkan sebagai defendan, pihak yang satu lagi adalah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos prosiding itu melainkan jika dia telah memasukkan kehadiran dan mengambil bahagian dalam prosiding itu.

33. Dalam prosiding di bawah bab-bab 23 atau 24 —

Anggapan.

(a) hak rekabentuk susunatur hendaklah dianggap ada ke atas rekabentuk susunatur yang dimaksudkan oleh prosiding itu jika defendan tidak mempersoalkan perkara sama ada hak itu ada ke atas rekabentuk susunatur tersebut; dan

(b) jika hak rekabentuk susunatur dibuktikan, diakui, atau dianggap ada di bawah perenggan (a), ke atas suatu rekabentuk susunatur, maka plaintif hendaklah dianggap sebagai tuannya hak itu jika dikatakan bahawa plaintif adalah tuannya hak itu dan defendan tidak mempersoalkan perkara pemunyaan.

34. Jika, pada masa bila suatu rekabentuk susunatur yang layak, salinan suatu rekabentuk susunatur yang layak, suatu litar bersepadu yang dibuat menurut suatu rekabentuk susunatur yang layak, atau suatu artikel di mana litar bersepadu tersebut dimasukkan, mula dieksploitasi secara komersial, rekabentuk susunatur, salinan, litar bersepadu atau bungkusan yang mengandunginya, atau artikel itu dilabel atau ditandakan dengan jelas dan mudah dibaca untuk menunjukkan dakwaan-dakwaan yang berikut —

Bukti fakta-fakta tertentu.

(a) bahawa hak rekabentuk susunatur ada ke atas rekabentuk susunatur itu; dan

(b) bahawa orang yang dinamakan dalam label atau tanda itu sebagai pembuat rekabentuk susunatur itu adalah pembuat rekabentuk susunatur itu dan mana-mana orang yang dinamakan sebagai pemegang lesen eksklusif tuannya adalah pemegang lesen eksklusif; dan

(c) bahawa rekabentuk susunatur itu mula dieksploitasi secara komersial di negara tersebut pada tahun yang dinyatakan dalam label atau tanda itu,

maka hendaklah dianggap dalam sebarang prosiding di bawah bab-bab 23 atau 24, sekiranya tiada keterangan yang berlawanan, bahawa —

- (i) pada setiap masa yang mustahak mana-mana orang yang mengendalikan rekabentuk susunatur, salinan atau litar bersepadu itu mengetahui setiap dakwaan yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a), (b) dan (c); dan
- (ii) rekabentuk susunatur tersebut mula dieksploitasi secara komersial pada tahun yang dinyatakan itu.

BAHAGIAN V

RAMPAIAN

Negara-negara
kelayakan.

35. Peguam Negara, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh dengan perintah menetapkan sebagai negara kelayakan bagi maksud Perintah ini —

(a) sesebuah negara atau wilayah yang menjadi satu pihak kepada suatu triti atau konvensyen berkenaan dengan perlindungan rekabentuk susunatur di mana Negara Brunei Darussalam juga menjadi satu pihak; atau

(b) sesebuah negara atau wilayah yang terhadapnya Peguam Negara berpuas hati bahawa, jika negara atau wilayah itu bukan satu pihak kepada triti atau konvensyen tersebut, peruntukan telah atau akan dibuat di bawah undang-undangnya yang memperuntukkan perlindungan yang mencukupi terhadap rekabentuk susunatur yang dibuat oleh orang-orang yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) atau (b) dari takrifan "orang yang layak" dalam bab 2 dan terhadap rekabentuk susunatur yang mula dieksploitasi secara komersial di Negara Brunei Darussalam.

Pemunyaan
prospektif hak
rekabentuk
susunatur.

36. (1) Jika dengan suatu perjanjian yang dibuat berkenaan dengan hak rekabentuk susunatur masa depan dan dibuat oleh atau bagi pihak orang yang akan, selain dari bab ini, menjadi tuanpunya hak tersebut apabila ia mula wujud, orang itu dikatakan menyerahkan hak rekabentuk susunatur masa depan, sama ada seluruhnya atau sebahagiannya, kepada orang lain, maka jika, apabila hak itu mula wujud, penerima serahhak atau mana-mana orang yang menuntut di bawahnya adalah berhak terhadap semua orang lain untuk menghendaki supaya hak itu terletak hak padanya, hak itu hendaklah terletak hak pada penerima serahhak atau pewaris hakmiliknya.

(2) Jika, pada masa apabila hak rekabentuk susunatur mula wujud, orang yang akan berhak terhadapnya mati, hak itu hendaklah diturunkan seolah-olah, sejourus sebelum kematiannya, dia adalah tuanpunya hak itu.

(3) Suatu lesen yang diberikan berkaitan dengan hak rekabentuk susunatur masa depan oleh bakal tuanpunya hak itu mengikat setiap pewaris hakmiliknya terhadap kepentingan prospektif ke atas hak itu setakat yang sama sebagaimana lesen itu mengikat pemberi.

37. (1) Suatu hak rekabentuk susunatur dan sebarang hak ke atasnya atau di bawahnya adalah harta dalam makna perenggan (a) dari takrifan "harta" dalam ceraian (1) bab 3 dari Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am dan, tertakluk kepada bab ini, boleh diserahkan dan boleh berpindah dengan wasiat atau dengan kuatkuasa undang-undang.

Penyerahan hak dan lesen hak rekabentuk susunatur. Penggal 4.

(2) Suatu penyerahan hak rekabentuk susunatur boleh dihadkan dengan sebarang cara, termasuk mana-mana satu atau lebih dari cara-cara yang berikut —

(a) supaya dikenakan kepada satu atau lebih dari jenis-jenis perbuatan bahawa, di bawah Perintah ini, tuannya hak rekabentuk susunatur itu mempunyai hak eksklusif untuk melakukan, termasuk suatu jenis perbuatan yang tidak dinyatakan secara berasingan dalam Perintah ini sebagai terkandung dalam hak rekabentuk susunatur tetapi yang termasuk di dalam suatu jenis perbuatan yang dinyatakan demikian;

(b) supaya dikenakan kepada sebahagian dari tempoh perlindungan rekabentuk susunatur di mana hak rekabentuk susunatur ada.

(3) Suatu penyerahan hak rekabentuk susunatur, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, adalah tidak berkuatkuasa melainkan jika secara bertulis yang ditandatangani oleh atau bagi pihak penyerah hak.

(4) Suatu lesen yang diberikan berkaitan dengan hak rekabentuk susunatur oleh tuannya hak itu adalah mengikat setiap pewaris hakmiliknya terhadap kepentingan ke atas hak tuannya tersebut, kecuali —

(a) pembeli dengan suci hati untuk balasan berharga dan tanpa notis, sebenar atau konstruktif, lesen itu; dan

(b) seseorang yang memperolehi hak milik daripada pembeli tersebut,

setakat yang sama sebagaimana lesen itu mengikat pemberi.

38. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), jika seseorang telah memulakan prosiding yang mengatakan suatu pelanggaran hak rekabentuk susunatur ke atas suatu rekabentuk susunatur yang layak, mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang terhadapnya prosiding tersebut dibawa, jika berpuas hati bahawa prosiding tersebut tidak mempunyai justifikasi —

Prosiding undang-undang yang tidak berasas.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(a) membuat suatu perintah yang membatalkan prosiding itu; dan

(b) membuat suatu perintah bagi pembayaran ganti rugi kerana sebarang kerugian yang ditanggung oleh orang yang terhadapnya prosiding itu dibawa.

(2) Mahkamah tidaklah boleh memberi pelepasan di bawah bab ini jika defendan membuktikan bahawa perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengannya prosiding itu dibawa menjadi, atau jika dilakukan, akan menjadi, suatu pelanggaran hak rekabentuk susunatur.

Aturan-aturan. 39. Peguam Negara boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan untuk menguatkuasakan matlamat-matlamat dan maksud-maksud Perintah ini dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

Perintah yang mengikat Kerajaan. 40. Perintah ini mengikat Kerajaan.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 18 haribulan Disember, 1999 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM